



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 JUNE 2016

'Pengundi Cina kembali kepada BN, tolak Tun M'

BH - 19/6/2016

➔ PAS akui isu dimainkan pembangkang gagal pengaruhi penduduk

► Kuala Kangsar

PAS mengakui pelbagai isu dimainkan pembangkang sepanjang tempoh berkempen seperti isu 1Malaysia Malaysia Development Bhd (1MDB) serta pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) gagal mempengaruhi pengundi untuk menolak Barisan Nasional (BN).

Pengarah Pusat Penyelidikan PAS, Dr Mohd Zuhdi Marzuki, berkata tamparan lebih hebat lagi apabila undi Cina sudah mula kembali kepada BN, sekali gus memberi ancaman kepada DAP.

"Sejak Pilihan Raya Kecil (PRK) Teluk Intan, diikuti dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak dan kini dua PRK di Kuala Kangsar dan Sungai Besar, pengundi Cina dilihat kembali menyokong BN.

"Keputusan seperti ini akan memberi ancaman kepada DAP untuk berdepan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, dengan mereka akan kehilangan banyak di kawasan majoriti Cina yang mereka tandangi," katanya dalam kenyataan, malam tadi.

Selain itu beliau berkata, PRK kali ini turut menjadi ancaman kepada PKR iaitu sekiranya PAS masuk ber-

tanding di kerusi yang mereka menangi di Pantai Barat, kemungkinan mereka juga tewas.

"Keputusan ini juga menunjukkan pengaruh (bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir Mohamad tidak lagi signifikan di kalangan pengundi Melayu, malah semakin beliau terabit dengan Pakatan Harapan semakin hilang pengaruh beliau," katanya.

Tanpa DAP, PAN tak kuat

Di Sungai Besar, Naib Presiden PAS, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata kejayaan parti serpihan PAS itu di kawasan yang ramai pengundi Cina adalah hasil usaha kuat daripada DAP.

"Ia bukan atas kekuatan Parti Amanah Negara (PAN). Tanpa DAP, parti serpihan PAS itu tidak ada kekuatan.

"PAS berkempen dengan jentera dan aset kami sendiri tetapi kami terpaksa berhadapan dengan jentera kerajaan (Persekutuan)," katanya kepada BH.

Pada masa sama, Iskandar turut mengakui kekalahan PAS dalam PRK Sungai Besar malam tadi adalah satu pengajaran bagi semua parti pembangkang.